

Pemeliharaan Tulisan Jawi dan Penggunaan Tulisan Jawi di Media: Kajian Persepsi Pelajar Melayu di UNITEN

Noraziah Mohd Amin¹, Noor Azam bin Abdul Rahman², Wan Noorli Razali³, Mohd Faisal Abdul Wahab⁴

¹ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang, Malaysia

² Unit Bahasa dan Sains Sosial, Kolej Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Universiti Tenaga Nasional, Putrajaya, Malaysia

³ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang, Malaysia

⁴ Fakulti Hotel dan Pengurusan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang, Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 19 Februari 2018

Disemak: 26 Mac 2018

Diterbit: 7 September 2018

*Corresponding Author:

Noor Azam b Abdul Rahman,
Unit Bahasa & Sains Sosial,
Kolej Sains Komputer &
Teknologi Maklumat, Universiti
Tenaga Nasional (UNITEN),
Kampus Putrajaya, Malaysia.
Email: noorazam@uniten.edu.my

Abstrak: Penggunaan tulisan Jawi yang terhad di media telah menjadi cabaran baru kepada para pencinta tulisan Jawi. Pengaruh globalisasi serta persepsi masyarakat terhadap tulisan Jawi telah mewujudkan satu keadaan yang membimbangkan tentang tahap penggunaan tulisan Jawi terutamanya di media massa. Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk mendapatkan persepsi dari kalangan pelajar Melayu di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) berkaitan penggunaan tulisan Jawi di media massa. Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai persepsi pelajar Melayu di UNITEN berkaitan usaha pemeliharaan tulisan Jawi dan penggunaan tulisan Jawi di media. Pelajar Melayu ini merupakan golongan muda yang mewakili generasi baru dalam masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai sumber maklumat berkaitan isu yang dikaji. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden berpendapat bahawa tulisan Jawi perlu mendapat kedudukan yang baik di media massa. Antara cadangan penting yang diberikan oleh responden adalah peranan pihak berkuasa tempatan untuk mewajibkan penggunaan tulisan Jawi pada papan tanda dan iklan. Kajian ini penting sebagai bahan rujukan kepada pihak berkaitan untuk tindakan seterusnya sebagai salah satu usaha pemeliharaan tulisan Jawi.

Kata kunci: Tulisan Jawi, pemeliharaan tulisan Jawi, media.

Abstract: The limited use of Jawi in the media has become a new challenge to Jawi enthusiasts. The influence of globalization and the community's perception on Jawi has resulted in a state of concern regarding the use of Jawi especially in the mass media. Therefore, this study aims to obtain the perception of Malay students at Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pertaining to the use of Jawi in the mass media. The main objective of this study is to examine the perception of Malay students in UNITEN upon the use of Jawi and the preservation of Jawi in the media. The Malay students represent the young generation in the society. This study employed a quantitative research method using questionnaire survey as a source of information regarding the issue investigated. The data obtained was analyzed using SPSS software version 20. The results showed that majority of the respondents had the idea that Jawi should be well-placed in the mass media. One of the important recommendations provided by the respondents is the role of the local authorities to make it compulsory for Jawi scripts to be on billboards and advertisements. This study is important as reference for the concerned parties for actions to be taken for the preservation of Jawi.

Keywords: Jawi script, Jawi preservation, media

Pengenalan

Faidhur Rahman Abdul Hadi dan Fatimah Jamhari (2014) mencadangkan bahawa kelaziman papan tanda yang menggunakan bahasa Melayu dengan kedua-dua bentuk tulisan, iaitu tulisan Jawi dan tulisan Rumi di seluruh negara Brunei harus dicontohi oleh Malaysia. Ini seolah-olah menunjukkan bahawa penggunaan tulisan Jawi oleh media tempatan belum lagi secara menyeluruh seperti yang diamalkan oleh negara jiran Malaysia iaitu Brunei. Penggunaan tulisan Jawi secara meluas di Brunei menunjukkan seolah-olah tulisan Jawi mendapat tempat yang tinggi dalam kalangan masyarakat di sana.

Penguatkuasaan undang-undang yang mewajibkan setiap papan tanda iklan menggunakan tulisan Jawi dilihat berkesan untuk mempromosikan tulisan Jawi. Di Malaysia, perkara seumpama ini masih belum berlaku secara meluas. Cuma terdapat beberapa negeri di Pantai Timur yang mempunyai undang-undang khusus berkaitan penggunaan tulisan Jawi di media.

Sebagai contoh di negeri Kelantan, menurut Ilham bin Che Daud @Zakari (2015), "Akta Undang-Undang Iklan Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) 1990, MPKB-BRI telah meletakkan syarat untuk mempamerkan sesuatu iklan mestilah mempunyai tulisan Jawi, manakala akta yang sama (Pindaan) 2007 telah meletakkan syarat tulisan Jawi mestilah sama besar dengan perkataan Bahasa Kebangsaan dan diletakkan di atas sekali" (hlm. 4-5). Hal ini telah termaktub dalam Warta Kerajaan Negeri Kelantan, Majlis Perbandaran Kota Bharu, 1990, Undang-Undang Kecil Iklan MPKB-BRI (Pindaan 2007), Kota Bharu : Kerajaan Negeri Kelantan, hlm 2).

Penggunaan tulisan Jawi di media merupakan salah satu cara untuk memelihara tulisan Jawi. Dengan penggunaan yang meluas pada papan tanda iklan akan memberi pendedahan kepada orang ramai tentang tulisan Jawi, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai persepsi generasi muda terhadap isu penggunaan tulisan Jawi di media dan kepentingan pemeliharaan tulisan Jawi.

Pernyataan Masalah

Menurut Madihah Mohamad (2007), anak-anak muda Melayu tidak lagi berminat membaca Jawi dan menulis menggunakan tulisan Jawi. Salah satu faktor yang mendorong kepada rasa tidak minat ini adalah disebabkan kurangnya pendedahan terhadap penggunaan tulisan Jawi. Generasi muda khususnya amat dekat dengan penggunaan media, sama ada media cetak, media elektronik mahupun media sosial. Apabila tiadanya penggunaan tulisan Jawi pada media-media ini menyebabkan generasi muda tidak memahami dengan baik penggunaan tulisan Jawi. Hal

ini memerlukan satu kajian akademik agar dapat dijadikan satu cadangan kepada pihak yang berkaitan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memelihara warisan bangsa seperti tulisan Jawi ini.

Objektif Kajian

Ringkasnya, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Untuk mengkaji persepsi pelajar-pelajar Melayu UNITEN terhadap pemeliharaan tulisan Jawi.
- ii. Untuk meneliti persepsi pelajar-pelajar Melayu UNITEN terhadap penggunaan tulisan Jawi di media.

Persoalan Kajian

Kajian ini ingin menjawab dua persoalan berikut;

- i. Apakah persepsi pelajar Melayu di UNITEN terhadap pemeliharaan tulisan Jawi?
- ii. Apakah persepsi pelajar Melayu di UNITEN terhadap penggunaan tulisan Jawi di media?

Kepentingan Kajian

Kajian ini berhasrat untuk membincangkan isu berkaitan tulisan Jawi yang tidak lagi digunakan secara meluas oleh masyarakat. Penggunaan tulisan Jawi di media diharap akan menjadi sebahagian daripada aktiviti mempromosikan tulisan Jawi kepada masyarakat. Oleh itu, kajian ini yang menganalisis persepsi daripada pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi akan dapat dijadikan sumber maklumat kepada masyarakat berkaitan peranan media sebagai alat untuk mempromosikan tulisan Jawi.

Kajian Literatur

Kewujudan Tulisan Jawi di Tanah Melayu

Ibn Batutah (1964) telah menggunakan istilah "al-Jawah" untuk merujuk kepada kawasan Nusantara manakala perkataan Jawi pula digunakan untuk merujuk kepada penduduknya. Beliau berpandangan bahawa perkataan Jawah dan Jawi tidak hanya merujuk kepada kepulauan Jawa semata-mata kerana cakupannya lebih luas yakni merujuk kepada seluruh wilayah Asia Tenggara termasuk penduduknya sekali.

Menurut Mahyudin Yahya (1986) pula, beliau berpandangan tulisan Jawi merupakan tulisan huruf-huruf Arab yang digunakan di kepulauan Melayu atau tulisan Melayu berhuruf Arab. Perkataan "Jawi" ini

berasal daripada bahasa Arab di mana abjad bahasa tersebut telah disesuaikan untuk menulis bahasa Melayu.

Meneropong perkembangan tulisan ini dari sudut asimilasi, Niswa Noralina Abdullah (2014) telah mencatatkan bahawa perkembangan tulisan Jawi boleh dibahagikan kepada tiga peringkat perkembangan iaitu; peringkat awal yang mana tulisan Jawi masih mempunyai unsur Arab, peringkat pertengahan di mana unsur Arab beransur-ansur berasimilasi dengan unsur Melayu, dan peringkat terakhir di mana unsur-unsur Melayu mendominasi sepenuhnya.

Sejarah Penggunaan Tulisan Jawi dalam Media di Malaysia

Tulisan Jawi telah lama wujud dan digunakan sebagai tulisan rasmi Melayu, iaitu sejak abad ke-14 Masihi atau sebelumnya. Menurut sumber yang sama, dapat dikatakan bahawa sejarah alam Melayu bermula dengan tulisan Jawi, iaitu serentak dengan kelahiran kerajaan-kerajaan Islam yang silam.

Hashim Musa (2006) melalui bukunya pernah mengkaji perkembangan tulisan Jawi dalam bahasa Melayu dan mendapati tulisan Jawi telah mula digunakan secara meluas di dalam media pada abad ke 19 Masihi seperti dalam penulisan surat khabar, majalah, kitab dan buku. Antara subjek kajian beliau adalah sistem ejaan Jawi yang terdapat pada Utusan Melayu, kitab Hidayat al-Saalikiin, Daftar Ejaan Melayu (Jawi-Rumi), Majalah Dian, Mishkaat al-Anwar, Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan dan Maktab Perguruan Islam. Jika dilensa dari sudut sejarah juga, tulisan Jawi bukan sahaja pernah menjadi tulisan utama di Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Brunei Darussalam, Indonesia, Selatan Thai, tetapi juga digunakan secara meluas oleh rumpun Melayu di Sri Lanka (Mohd Alwee Yusof, 2005). Ini dapat dibuktikan apabila sejak 1869, sebuah akhbar Melayu bertulisan Jawi yang dinamakan, "Alamat Langkapuri" sudah mula dicetak di Sri Lanka.

Keputusan Tulisan Jawi untuk Diketengahkan dalam Media

Menurut Asyraf Ridwan Ali dan Berhanudin Abdullah (2015:583), "Segala sumbangan dan peranan tulisan jawi yang bersemadi dalam pembentukan tamadun negara seperti manuskrip-manuskrip, surat-menyurat lama, puisi dan syair, kitab dan hikayat lama di arkib mahupun muzium perlu diketengahkan untuk pengetahuan umum. Malah lebih baik sekiranya segala bahan bukti sejarah tersebut dikenal pasti, diajar dan dimasukkan sebagai satu tajuk khusus dalam pengajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Awam (UA), Universiti Swasta (US) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) supaya generasi baru sedar akan sumbangan tulisan jawi."

Bagi menunjukkan niat yang serius untuk memastikan kesinambungan tulisan Jawi, Sultan Perak,

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dalam ucapannya di persidangan ke-174 Majlis Agama Islam Perak dan Adat Melayu telah mencadangkan bahan-bahan cetakan untuk semua program yang dijalankan di bawah naungan/kelolaan Majlis tersebut supaya ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi ("*Tidak rela warisan bangsa dihina*", 2011). Baginda seterusnya mencadangkan bahawa program yang bertujuan untuk mempromosikan tulisan Jawi dapat dianjurkan dengan kerjasama Utusan Melayu Berhad. Ini jelas menunjukkan betapa pendedahan tulisan Jawi kepada umum amat penting untuk dilaksanakan.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai medium pengumpulan data, yang kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS. Kajian ini bersifat diskriptif dan tidak mencadangkan sebarang hipotesis, tetapi hanya untuk mendapatkan jawapan daripada responden terlibat mengenai isu-isu yang diketengahkan.

Peserta-peserta Kajian

Para peserta yang mengambil bahagian dalam kajian ini terdiri daripada 100 orang pelajar Melayu di UNITEN yang sedang mengikuti program Kejuruteraan dan Sains Komputer. Terdapat 50 peserta lelaki dan 50 peserta perempuan yang berumur antara 21 hingga 23 tahun.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang mengandungi 15 soalan dalam bentuk pernyataan-pernyataan pendapat. Setiap soalan dinilai dari segi sejauh mana para responden bersetuju atau tidak bersetuju dengan sesuatu pernyataan dengan menggunakan Skala Likert daripada nilai 1 hingga 5 iaitu "Sangat Tidak Setuju" (1), "Tidak Setuju" (2), "Tidak Pasti" (3), "Setuju" (4), dan "Sangat Setuju" (5).

Kaedah Pengumpulan Data

Pada peringkat permulaan, data diperolehi daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 30 orang responden (pelajar Melayu UNITEN) sebagai kajian rintis. Data ini digunakan sebagai pengesahan kebolehpercayaan (ketekalan) borang soal selidik untuk digunakan sebagai bahan kajian. Seterusnya borang soal selidik ini diedarkan kepada 100 responden kajian utama. Data yang diperolehi adalah hasil daripada jawapan responden pada peringkat pertama sahaja. Ini bermakna

kajian ini tidak menjalankan ujian ulangan dalam pengumpulan data.

Kaedah Analisis Data

Data yang diperolehi dimasukkan ke dalam perisian Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS) versi 20 untuk tujuan analisis kuantitatif. Maklumat seperti min, mod, median, kekerapan dan sebagainya telah diperolehi daripada perisian ini untuk menjelaskan data yang diterima dengan lebih terperinci.

Analisis Kajian

Kebolehpercayaan

Jadual 1: Analisis nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha

Statistik Kebolehpercayaan	
Cronbach's Alpha	Bilangan Pernyataan
0.728	15

Analisis statistik terhadap kebolehpercayaan pernyataan yang dikemukakan kepada responden telah diuji menggunakan perisian SPSS. Hasil analisis menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* berada pada tahap .728. Berdasarkan nilai tersebut, senarai pernyataan yang telah dikemukakan melalui borang soal selidik menepati objektif dan persoalan kajian.

Persepsi pelajar Melayu di UNITEN terhadap pemeliharaan tulisan Jawi.

Berdasarkan Jadual 2, majoriti pelajar Melayu UNITEN bersetuju bahawa tulisan Jawi merupakan warisan Melayu yang wajib dipelihara. Majoriti responden bersetuju pemeliharaan tulisan Jawi perlu dilakukan dari semasa ke semasa. Ini dibuktikan dengan sejumlah 86% responden telah “setuju” dan “sangat setuju” dengan pernyataan 1 (“Tulisan Jawi adalah warisan Melayu yang perlu dipelihara kewujudannya dari semasa ke semasa”). Begitu juga pada pernyataan 3 (“Dalam penggunaan bahasa Melayu, tulisan Jawi perlu dipertingkatkan seiring dengan tulisan rumi”) sejumlah 84% responden memilih “setuju” dan “sangat setuju”. Bagi responden, tulisan Jawi perlu berada pada kedudukan yang sama dengan tulisan rumi bagi menzahirkan bahasa Melayu.

Dalam aspek mewarisi tulisan Jawi kepada generasi akan datang, responden secara majoriti masih bersetuju dengan pernyataan 2 (“Tulisan Jawi perlu diwariskan dari satu generasi Melayu ke satu generasi Melayu yang seterusnya”). Walaupun terdapat 18% daripada responden “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” dengan pernyataan 2, namun ini mungkin disebabkan rasa kurang yakin mereka terhadap keupayaan diri untuk mewariskan tulisan Jawi kepada

generasi akan datang dengan kedudukan semasa tulisan Jawi di media yang masih kurang. Hal ini boleh dikaitkan dengan data responden terhadap pernyataan 5 (“Pihak berkuasa seperti agensi kerajaan perlu mengambil langkah untuk memelihara tulisan Jawi sebagai salah satu warisan bangsa Melayu”) yang juga rendah dari jumlah peratusan. Hanya 61% responden “setuju” dan “sangat setuju” dengan pernyataan ini. Manakala 12% daripada responden memilih “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” terhadap pernyataan 5. Ini menunjukkan bahawa responden kurang yakin dengan pihak berkuasa untuk meletakkan tulisan Jawi sebagai warisan Melayu yang penting. Bagi pernyataan 4 (“Tulisan Jawi yang menjadi medium komunikasi zaman dahulu perlu dihayati oleh generasi muda kini”) responden yang memilih “setuju” sebanyak 57% manakala responden yang memilih “sangat setuju” pula sebanyak 17%. Daripada jumlah ini bermakna responden yang bersetuju dengan pernyataan 4 adalah sejumlah 74%. Hanya 22% sahaja responden memilih “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” dengan pernyataan 4. Berdasarkan data ini, menunjukkan bahawa responden masih mempunyai keinginan untuk menghayati tulisan Jawi yang pernah menjadi medium utama dalam komunikasi pada zaman dahulu. Kegemilangan tulisan Jawi pada suatu masa dahulu masih lagi dihayati dengan baik oleh generasi muda kini, khususnya responden kajian.

Jadual 2: Statistik persepsi responden terhadap pemeliharaan tulisan Jawi.

	Pernyataan	Min	SP	Pilihan jawapan				
				STS	TS	TP	S	SS
	Kelestarian Tulisan Jawi			%	%	%	%	%
1	Tulisan Jawi adalah warisan Melayu yang perlu dipelihara kewujudannya dari semasa ke semasa.	3.54	1.333	0	3	11	50	36
2	Tulisan Jawi perlu diwariskan dari satu generasi Melayu ke satu generasi Melayu yang seterusnya.	3.75	0.821	8	10	3	58	21
3	Dalam penggunaan bahasa Melayu, tulisan Jawi perlu dipertingkatkan seiring dengan tulisan rumi.	3.42	0.711	4	10	2	61	23
4	Tulisan Jawi yang menjadi medium komunikasi zaman dahulu perlu dihayati oleh generasi muda kini.	3.41	0.875	8	14	4	57	17
5	Pihak berkuasa seperti agensi kerajaan perlu mengambil langkah untuk memelihara tulisan Jawi sebagai salah satu warisan bangsa Melayu.	3.84	0.711	12	24	3	47	14

Persepsi pelajar Melayu di UNITEN terhadap penggunaan tulisan Jawi di media.

Berdasarkan Jadual 3, majoriti pelajar bersetuju

dengan pernyataan 9 (“Program pembelajaran tulisan Jawi perlu diwujudkan di televisyen untuk membantu masyarakat belajar tentang tulisan Jawi”) iaitu sejumlah 94%. Peratusan ini merangkumi jumlah responden yang memilih “setuju” sebanyak 36% dan “sangat setuju” sebanyak 58%. Peratusan ini merupakan jumlah kedua tertinggi yang diberi oleh responden bagi setiap pernyataan dalam kajian ini. Berdasarkan data ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar Melayu di UNITEN terhadap penggunaan tulisan Jawi di media lebih terarah kepada media elektronik iaitu televisyen. Program-program di televisyen diharap dapat memberi pendedahan yang baik kepada masyarakat tentang tulisan Jawi. Hal ini berkait dengan pernyataan 12 (“Media elektronik seperti televisyen boleh menganjurkan program realiti penggunaan tulisan Jawi yang melibatkan orang ramai untuk mempromosikan tulisan Jawi”) yang mendapat peratusan bersetuju yang paling tinggi daripada responden. Sejumlah 96% responden memilih “setuju” dan “sangat setuju” dengan pernyataan ini. Kedua-dua pernyataan ini (pernyataan 9 dan 12) menunjukkan responden lebih yakin peranan besar yang boleh dimainkan oleh media elektronik khususnya televisyen untuk mempromosikan tulisan Jawi kepada masyarakat. Pernyataan 12 contohnya, berkaitan program realiti televisyen untuk mempromosikan tulisan Jawi telah dipersetujui oleh majoriti responden. Sesuai dengan keadaan semasa, program realiti televisyen merupakan satu program yang mendapat rating tertinggi dalam kalangan penonton. Oleh itu responden merasakan adalah sesuatu yang baik jika tulisan Jawi dapat dijadikan salah satu perkara yang dipertandingkan dalam program popular seperti program realiti televisyen.

Bagi pernyataan 6 (“Penggunaan tulisan Jawi perlu diperbanyakkan dalam media massa untuk memberikan pendedahan tentang tulisan Jawi”) juga menunjukkan responden bersetuju media massa digunakan sebagai medium penting untuk memberi pendedahan tentang tulisan Jawi. Sejumlah 54% responden memilih “setuju” dan 38% “sangat setuju” dengan pernyataan 6. Data daripada responden menunjukkan bahawa mereka percaya media massa mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat. Oleh itu sebagai pendedahan kepada masyarakat tentang tulisan Jawi, media massa perlu perbanyakkan penggunaan tulisan Jawi.

Walaupun bagaimanapun, responden memberi pendapat yang berbeza pada pernyataan 15 (“Pada pendapat saya, media massa adalah medium/cara terbaik bagi memperkenalkan tulisan Jawi kepada orang ramai”). Sejumlah 36% responden memilih “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” dengan pernyataan ini. Walaupun pada pernyataan 6, 9 dan 12 responden memilih untuk bersetuju tentang peranan televisyen sebagai medium untuk mempromosikan tulisan Jawi, namun pada pernyataan 15 responden seakan ragu-ragu dengan keupayaan televisyen untuk menjalankan tanggungjawab tersebut. Perkara ini mungkin boleh

dikaitkan dengan keadaan program di televisyen kini yang masih tiada rancangan khas berkaitan tulisan Jawi.

Jika dilihat persepsi responden berkaitan peranan media cetak pula, sejumlah 88% responden memilih untuk “setuju” dan “sangat setuju” terhadap pernyataan 11 (“Media cetak seperti akhbar dan majalah boleh mewujudkan satu ruangan khas berkaitan tulisan Jawi bagi menarik minat orang ramai terhadap tulisan Jawi”). Data menunjukkan responden bukan sahaja bersetuju televisyen memainkan peranannya sebagai medium untuk mempromosikan tulisan Jawi, malah media cetak seperti akhbar dan majalah juga perlu sama-sama mewujudkan ruangan khas yang menggunakan tulisan Jawi.

Pernyataan 7 (“Saya berpendapat media berperanan penting dalam menyemai minat masyarakat terhadap tulisan Jawi”), pernyataan 8 (“Saya berpendapat bahawa bahan bacaan menggunakan tulisan Jawi perlu diperbanyakkan di pasaran untuk membantu masyarakat memantapkan kebolehan menggunakan tulisan Jawi”), dan pernyataan 10 (“Pihak media seperti televisyen dan akhbar boleh mengadakan pelbagai program berkaitan pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi”) menunjukkan majoriti responden telah memilih “setuju” dan “sangat setuju” dengan masing-masing 88%, 71% dan 80%. Data menunjukkan responden memilih untuk bersetuju bahawa peranan media sangat penting sebagai medium mempromosikan tulisan Jawi kepada masyarakat. Keberkesanan media ini merangkumi semua jenis media sama ada media cetak, media elektronik dan juga semua media massa popular terkini.

Data juga menunjukkan persepsi responden berkaitan media dan tulisan Jawi ini sangat bersetuju jika semua syarikat besar terutamanya yang dimiliki oleh orang Melayu supaya menaja program-program untuk mempromosikan tulisan Jawi di media. Persepsi responden ini dinyatakan dengan peratusan sebanyak 73% yang memilih “setuju” dan “sangat setuju” dengan pernyataan 13 (“Syarikat-syarikat besar milik orang Melayu boleh mengambil peluang mempromosi tulisan Jawi di media massa melalui tajaan pada ruangan tulisan Jawi di televisyen atau akhbar dan majalah”). Begitu juga peranan pihak berkuasa berkaitan media di Malaysia juga boleh menggubal undang-undang berkaitan penggunaan tulisan Jawi di media massa seperti iklan contohnya. Respon ini dinyatakan dengan bersetuju pada pernyataan 14 (“Pihak berkuasa berkaitan media di Malaysia boleh menggubal undang-undang berkaitan penggunaan tulisan Jawi di media massa, bagi mempengaruhi pihak media menggunakan tulisan Jawi”) sejumlah 68%.

Jadual 3: Statistik persepsi responden terhadap penggunaan tulisan Jawi dalam media.

Pernyataan	Min	SP	Pilihan jawapan				
			STS	TS	TP	S	SS
Penggunaan Tulisan Jawi dalam Media			%	%	%	%	%
6 Penggunaan tulisan Jawi perlu diperbanyakkan dalam media massa untuk memberikan pendedahan tentang tulisan Jawi.	3.54	1.053	0	3	5	54	38
7 Saya berpendapat media berperanan penting dalam menyemai minat masyarakat terhadap tulisan Jawi.	3.22	0.922	1	9	2	52	36
8 Saya berpendapat bahawa bahan bacaan menggunakan tulisan Jawi perlu diperbanyakkan di pasaran untuk membantu masyarakat memantapkan kebolehan menggunakan tulisan Jawi.	3.85	0.812	11	11	7	53	18
9 Program pembelajaran tulisan Jawi perlu diwujudkan di televisyen untuk membantu masyarakat belajar tentang tulisan Jawi.	4.54	0.709	0	2	4	36	58
10 Pihak media seperti televisyen dan akhbar boleh mengadakan pelbagai program berkaitan pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi.	3.55	0.682	3	13	4	50	30
11 Media cetak seperti akhbar dan majalah boleh mewujudkan satu ruangan khas berkaitan tulisan Jawi bagi menarik minat orang ramai terhadap tulisan Jawi.	3.17	0.718	0	10	2	65	23
12 Media elektronik seperti televisyen boleh menganjurkan program realiti penggunaan tulisan Jawi yang melibatkan orang ramai untuk mempromosi tulisan Jawi.	4.57	0.78	0	3	1	54	42
13 Syarikat-syarikat besar milik orang Melayu boleh mengambil peluang mempromosi tulisan Jawi di media massa melalui tajaan pada ruangan tulisan Jawi di televisyen atau akhbar dan majalah.	3.54	0.712	2	22	3	58	15
14 Pihak berkuasa berkaitan media di Malaysia boleh menggubal undang-undang berkaitan penggunaan tulisan Jawi di media massa, bagi mempengaruhi pihak media menggunakan tulisan Jawi.	3.55	0.811	8	20	4	51	17

Pernyataan	Min	SP	Pilihan jawapan				
			STS	TS	TP	S	SS
Penggunaan Tulisan Jawi dalam Media			%	%	%	%	%
15 Pada pendapat saya, media massa adalah medium/cara terbaik bagi memperkenalkan tulisan Jawi kepada orang ramai.	4.02	0.689	18	18	6	40	18

Kesimpulan

Tulisan Jawi merupakan warisan Melayu yang perlu dijaga serta dipelihara dari satu generasi ke satu generasi. Pernyataan ini yang dapat disimpulkan sebagai pendapat utama responden kajian ini. Maklum balas daripada responden menunjukkan mereka berpendapat untuk memelihara tulisan Jawi sebagai warisan Melayu, media massa perlu memainkan peranan utama sebagai medium untuk mempromosikan tulisan Jawi kepada masyarakat. Majoriti responden memilih untuk bersetuju dengan pernyataan-pernyataan yang menyokong ke arah pemeliharaan tulisan Jawi melalui medium media massa. Selain itu, peranan pihak berkuasa yang terlibat secara langsung memberi kelulusan terhadap satu-satu perkara yang terdapat di media juga perlu lebih peka dan prihatin terhadap tulisan Jawi. Seperti cadangan Faidhur Rahman Abdul Hadi dan Fatimah Jamhari (2014) agar kelaziman papan tanda berbahasa Melayu yang ditulis menggunakan kedua-dua bentuk tulisan, jawi dan tulisan rumi di seluruh Brunei harus ditiru oleh Malaysia. Amalan pelaksanaan peraturan seperti di negara Brunei ini perlu diambil perhatian oleh semua pihak yang berkaitan.

Sebagai generasi muda, responden kajian telah memberi persepsi yang positif terhadap pemeliharaan tulisan Jawi sebagai warisan Melayu. Begitu juga persepsi terhadap peranan media sebagai medium penting untuk mempromosikan tulisan Jawi. Responden telah meletakkan harapan yang tinggi terhadap pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan media supaya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mempromosikan tulisan Jawi kepada masyarakat.

Rujukan

Asyraf Ridwan Ali., & Berhanudin Abdullah. (2015). Falsafah Pendidikan Jawi Dalam Memperkasakan Tamadun Islam Di Malaysia. *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hashim Hj. Musa. (2005). Peranan Tulisan Jawi Dalam Perkembangan Islam Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, Ji/id 16. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Hashim Hj. Musa. (2005). Peranan tulisan jawi dalam

perkembangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 16, 2005. Retrieved March 24, 2016 from

http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/24027/Article_5.PDF

Hashim Musa. (2006), *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*, Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Hashim Musa. (2006). *Epigrafi Melayu Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi dalam Bahasa Melayu*, Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Batutah. (1964). *Rihlah Ibn Batutah*, Beirut.

Ilham Che Daud@Zakari. (2015). *Penggunaan seni khat dalam tulisan jawi: satu tinjauan di negeri Kelantan*. Terdapat

di: <http://umkeprints.umk.edu.my/5057/1/ILHAM%20OCHE%20DAUD.pdf>

Madiah Mohamad. (2007). *Penguasaan Kemahiran Jawi di Kalangan Murid Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Kebangsaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Dissertation (M.Ed.), Fakulti Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mahyudin Haji Yahya. (1986). *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi: Penerbit UKM.

Mohd Alwee Yusof. (2005). *Perkembangan tulisan Jawi dan aplikasinya dalam masyarakat islam di Malaysia*. *Jurnal Usuluddin*, Bil. 21, 23-38. Available at: http://icmsm2009.um.edu.my/filebank/published_article/8102/Jurnal.Usuluddin.21.2005-03.Alwee.Jawi.pdf

Niswa Noralina Abdullah. (2014). *Penguasaan dan Penggunaan Tulisan Jawi dalam Pembelajaran: Kajian dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam Institut Perguruan Guru Malaysia*. Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, 2014, 57.

Tidak rela warisan bangsa dihina. (14 Januari, 2011). *Utusan Online*. Retrieved Jun 2016 from http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0114&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm